

Mengapa internet di bukit lebih baik?

PETALING JAYA: Kerajaan perlu memikirkan mengapa capaian internet di kawasan tidak berpenghuni lebih baik daripada di kawasan yang mempunyai populasi yang padat.

Hal ini terbukti apabila para pelajar yang sepatutnya mengikuti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR), namun, terpaksa memanjat bukit, meredah hutan, memasuki ladang kelapa sawit semata-mata untuk mendapatkan liputan internet yang stabil.

Pensyarah Kanan Jabatan Komputeran Fakulti Seni, Komputeran, dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof. Madya Dr. Shamsul Arrieya Ariffin berkata, masalah capaian internet sudah berlautan terlalu lama, namun, pandemik Covid-19 mendedahkan lagi kelemahan negara dalam me-

nyediakan perkhidmatan yang sewajarnya.

Katanya, walaupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memberitahu bahawa 87 peratus kawasan di seluruh negara mendapat liputan internet, namun hakikatnya liputan masih tidak seragam.

“Justeru, kerajaan tidak mempunyai pilihan selain daripada memperkasa perkhidmatan internet dan melabur dalam industri ini dengan segera, kalau tidak kita akan terus ketinggalan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada masa sama, Shamsul berpendapat pakej bantuan dengan menyediakan harga internet murah ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sahaja tidak mencukupi sebaliknya memerlukan satu pembaharuan terhadap perkhidmatan internet secara menyeluruh.